

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
JABATAN PERTANIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN



No. Sebutharga : PPN.KDH (N) : 44 / 2021

TAJUK KERJA : SEBUTHARGA KERJA-KERJA PERATAAN TANAH SAWAH DI PROJEK PADI SAWAH GEMILANG KG TANJUNG BESAR, DAERAH SIK, KEDAH DARUL AMAN.

Syarat-syarat Khas Sebutharga :-

1. Pelawaan adalah dibuka kepada Kontraktor yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**, mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** dalam **Gred G1 (Daerah Sik)** dibawah **kategori CE** pengkhususan **CE 21 Atau CE 36** dan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dengan **sijil Taraf Bumiputra** .
2. Pembekal yang berminat untuk menyertai Tawaran Sebutharga ini **diwajibkan** untuk mendaftarkan Nama dan Maklumat syarikat **dan menyertakan salinan** Sijil Pendaftaran Asal dan Perakuan Pendaftaran Asal yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputra oleh PKK di lokasi berikut:

PEJABAT PERTANIAN DAERAH SIK
08200 SIK
KEDAH DARUL AMAN
NO. TEL : 04-4695275

pada waktu pejabat mulai **10 Mac 2021**. Dokumen sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada **kontraktor yang ditauliahkan** atau wakil-wakil kontraktor yang membawa surat wakil kuasa dari pegawai yang ditauliahkan seperti dalam sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan pada hari lawatan tapak. Kontraktor atau wakil kontraktor hendaklah membawa **Sijil Pendaftaran Asal dan Perakuan Pendaftaran Asal** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) serta **Sijil Taraf Bumiputra oleh PKK**. **Dokumen sebutharga boleh dibeli dengan harga RM 10.00 (Ringgit Sepuluh Sahaja)**. **Bayaran ini tidak akan dikembalikan. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk tunai.**

3. **Lawatan ketapak pembinaan adalah tidak diwajibkan** . Walaubagaimanapun, kontraktor adalah dijemput menghadiri taklimat ringkas berkaitan spesifikasi kerja yang akan diadakan pada **10 Mac 2021 (Rabu)**. Kontraktor yang berminat boleh berhimpun di **Pejabat Pertanian Daerah Sik** , **Kedah** pada tarikh tersebut pada jam **10.00pg**. Sila memakai pelitup muka bagi mencegah penularan dan memutuskan rantaian jangkitan **COVID-19** serta mematuhi **SOP** ditetapkan kerajaan dan amalkan norma baharu. Kontraktor/wakil yang mempunyai gejala atau tidak mematuhi **SOP** tidak akan dibenarkan menghadiri taklimat ini.
4. Pihak Jabatan ini tidak semestinya menerima tawaran yang paling murah dan keputusan **Jawatankuasa Sebutharga** adalah muktamad.


MOHD AZWA SHAH BIN AHMAD, PJK.
Timbalan Pengarah Pertanian Negeri (Operasi)
Jabatan Pertanian Negeri Kedah

No. Sebutharga : PPN.KDH (N) : 44 / 2021

TAJUK KERJA : SEBUTHARGA KERJA-KERJA PERATAAN TANAH SAWAH DI PROJEK PADI SAWAH GEMILANG KG TANJUNG BESAR, DAERAH SIK, KEDAH DARUL AMAN.

5. Sebutharga ini akan **ditutup** pada **17 Mac 2021 (Rabu)**. Semua dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat serta bertulis bilangan **No. Sebutharga** dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga di Pejabat Pertanian Daerah Sik**, tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada hari tersebut.
6. Semua kontraktor yang ingin menyertai sebutharga ini diwajibkan mendaftar **secara atas talian** melalui platform **iDAFTAR** yang boleh di capai melalui portal **<https://idaftar.kedah.gov.my>**
7. **Sekiranya ada sebarang masalah, kontraktor dipohon untuk berhubung terus dengan Seksyen Perolehan Ibupejabat Pertanian Telok Chengai di No. Telefon 04-7775000 . Pegawai yang boleh dihubungi ialah En Ruzli bin Mustafa**

s.k.

Tuan Pengarah Pertanian Negeri.

Di Iklankan pada 2 Mac 2021